

ICIBACC2014

INTERNATIONAL CONFERENCE ON
ISLAMIC BUSINESS, ART,
CULTURE & COMMUNICATION

"Addressing Challenges & Sustaining
Excellence in a Globalised Malay &
Islamic World"

DEPARTMENT OF
RESEARCH & INDUSTRIAL LINKAGES
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, MELAKA



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

AKEPT
AKADEMI KEPIMPINAN PENGAJANTING

HIGHER
EDUCATION
LEADERSHIP
ACADEMY



BABAS PEGAWAI
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



sponsored by
karangkraf
www.karangkraf.com

Asian Gees Sdn Bhd Suria Melaka Sdn Bhd

KEBERTANGGUNGJAWABAN DALAM TADBIR URUS KEDERMAWANAN (PHILANTHROPY) DARI SUDUT PANDANGAN ISLAM

Hasan Bahrom¹, Abdul Halim Md Noor², Arifin Salleh³, Abdul Rahim⁴

Akademi Pengajian Islam Kontemporari¹

Universiti Teknologi Mara

Kampus Alor Gajah Melaka

hasanbahrom@gmail.com

Fakulti Pengurusan Perniagaan²

Universiti Teknologi Mara, Kampus Alor Gajah Melaka

drhalim@melaka.uitm.edu.my

Fakulti Pengurusan Perniagaan³

Universiti Teknologi Mara, Kampus Alor Gajah Melaka

Arila14@melaka.uitm.edu.my

Fakulti Pengurusan Perniagaan⁴

Universiti Teknologi Mara, Kampus Alor Gajah Melaka

rahim@melaka.uitm.edu.my

Abstrak

Keber tanggungjawaban adalah nilai yang amat penting dalam tadbir urus mana-mana institusi. Sama ada institusi yang berkaitan dengan kerajaan dan bukan kerajaan. Keyakinan dan kepercayaan masyarakat berkait rapat dengan ketelusuran, kualiti dan integriti pengurusan sesuatu institusi. Terutama institusi yang dihubungkaitkan dengan agama, satu institusi yang tidak dikategorikan dengan jaminan keuntungan malah lebih banyak merujuk kepada “social responsibility”. Banyak organisasi bukan-kerjaan-muncul-atas-pelbagai-kepentingan-dengan-mengambil-pelbagai pendekatan untuk mendapatkan sumbangan daripada masyarakat untuk dipulangkan semula sumbangan tersebut untuk kepentingan masyarakat yang memerlukan sama ada dalam bentuk infaq, sadaqah, wakaf, Qurban dan sebagainya. Persoalannya sejauhmana nilai keber tanggungjawaban wujud dalam institusi zakat, wakaf, infaq dan sadaqah. Apakah institusi tersebut ditadbir urus dengan sistematik?, pernahkah berlaku penyelewengan terhadap dana sumbangan dari orang ramai?. Apakah nilai kepercayaan umat terhadap institusi yang mengendalikan dana tersebut masih kuat atau babit-babit ketidakpercayaan telah mula timbul?. Persoalan tersebut perlu dijawab secara tuntas, agar asas kepercayaan masyarakat terhadap institusi dan nilai kedermawanan tetap subur dalam masyarakat. Tulisan ini akan mengupas beberapa isu penting dalam aspek keber tanggungjawab sosial dalam philanthropy.

Kata kunci : Islamic Philanthropy, kedermawanan, keber tanggungjawaban.